UMK.B02.00.100-1/3/1 JLD. 5 (62)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 2/2026

PELAKSANAAN CUTI REHAT WAJIB SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA DAN AWAL RAMADAN (1 RAMADAN 1447H)

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua Staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 4/2026 (Kali ke-328) yang telah bersidang pada 15 Februari 2026 berhubung Pelaksanaan Cuti Rehat Wajib Sempena Perayaan Tahun Baru Cina dan Awal Ramadan (1 Ramadan 1447H) pada **19 Februari 2026 (Khamis).**

2. Cuti Rehat wajib ini akan direkodkan dan ditolak terus daripada kelayakan cuti rehat tahunan dan staf tidak perlu memohon cuti rehat pada tarikh tersebut.

3. Penguatkuasaan pekeliling ini dikecualikan kepada staf UMK yang bekerja secara syif serta kategori staf lain yang diarahkan bertugas oleh Ketua Jabatan atas urusan rasmi.

4. Pelaksanaan Cuti Rehat Wajib ini adalah sebagai salah satu langkah penjimatan sumber operasi memandangkan tidak ramai staf yang bertugas pada hari tersebut. Turut diingatkan kepada semua staf supaya sentiasa menjaga keselamatan dan kesihatan diri dan keluarga sepanjang tempoh cuti tersebut.

5. Kerjasama semua pihak dimohon untuk mengambil perhatian dan mematuhi pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT"
“MALAYSIA MADANI”
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, *B.S.K, P.J.K***)**
Pendaftar

16 FEBRUARI 2026

s.k.
- Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab